

Pengharapan Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Vokasional Di Pusat Serenti Tampoi, Johor.

Muhd Rashid Hj. Rajuddin¹ & Muhd Fa'iz Ahmad¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor, Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengharapan pelatih pusat serenti fasa empat terhadap latihan vokasional di Pusat Serenti Tampoi, Johor. Elemen pengharapan yang dikaji termasuklah pengharapan dari segi membentuk semula personaliti diri, pengharapan untuk diterima bekerja, pengharapan untuk membuka perniagaan sendiri, dan pengharapan untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada. Seramai 48 orang pelatih pusat serenti fasa empat (N=48) dari Pusat Serenti Tampoi, Johor, telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah menggunakan borang soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Ia mengandungi 30 item yang diukur dengan menggunakan skala YA/TIDAK dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS 12.0). Analisis data dilakukan secara deskriptif (dalam frekuensi dan peratus). Dapatan kajian menunjukkan bahawa sememangnya wujud pengharapan di dalam diri pelatih pusat serenti setelah mereka menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti Tampoi. Aspek pengharapan untuk membentuk semula personaliti diri telah dikenal pasti sebagai pengharapan utama (94.8%) dikalangan responden, diikuti pengharapan untuk membuka perniagaan sendiri (91.9%), pengharapan untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada (89.0%) dan yang terakhir adalah pengharapan untuk diterima bekerja (85.4%). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan pengharapan berdasarkan peringkat umur.

Katakunci: *Pelatih Pusat Serenti, Personaliti, Berkerja, Perniagaan sendiri, Meningkatkan Kemahiran*

Abstract: The purpose of having this research is to identify the hope of trainees from rehabilitation center after they have undergone vocational training at Pusat Serenti Tampoi, Johor. The elements that are going to be studied here include the reforming of personality, the acceptance of employment, aspiring that they can run their own business as well as by hoping that they can improve their skills which they already have. There are 48 trainees out of overall trainees have been chosen as the samples in this research. The instrument which is used in this research including questionnaire which is constructed by the researcher. It consists 30 items which is measured by using YES/NO scale and it is analysed by the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS 12.0) software. The outcomes of the research represent certain occurrence of the desires in themselves once they have undergone vocational training at Pusat serenti Tampoi, Johor. The expectation of reforming personality has been identified as the respondent main goal of the training (94.8%), followed by the hope to run their own business (91.9%), desire to improve their skills which they already have (89.0%), and lastly the hope to be accepted by the employers (85.4%). The result shows that there are difference types of hope among the ages accordingly.

Keywords: *Trainees From Rehabilitation Center, Personality, Employment, Own Business, Improve Their Skills*

1.0 PENGENALAN

Dadah bermaksud bahan yang digunakan untuk ubat-ubatan. Dalam konteks lain, dadah ditakrifkan sebagai bahan yang boleh menyebabkan ketagihan yang digunakan sebagai ubat tidur dan dapat menyebabkan khayal atau tidak sedarkan diri seperti candu, heroin dan sebagainya (Kamus Dewan, 1996). Budaya dadah telah mula memusnahkan peradaban manusia di dunia hari ini. Ratusan ribu manusia telah terjebak dan menjadi penagih. Kebanyakan mereka ialah golongan belia yang bakal menjadi pemimpin sesebuah negara. Setiap hari berita berhubung dengan pengedaran dadah muncul di kaca televisyen, khabar dan media massa lain.

Gejala dadah juga telah menyebabkan manusia hilang pertimbangan akal fikiran sehingga sanggup mengorbankan nyawa yang tidak berdosa demi kepentingan pihak-pihak yang tertentu. Di Colombia misalnya, pengedar dadah telah berani menentang dan menggugat kekuatan kerajaan. Peperangan secara terbuka diantara kedua-dua belah pihak telah berlaku. Akibatnya, Menteri Keadilan Utamanya telah dibunuh. Walaubagaimanapun, dunia barat sentiasa memerangi dadah habis-habisan. Amerika Syarikat memandang berat mengenai masalah dadah. Kerajaan mereka telah membelanjakan antara 2.1 hingga 2.6 billion untuk memerangi dadah. Wang ini digunakan untuk mengambil pegawai kastam yang lebih ramai dan membeli alat pengesan dadah yang canggih (Abdul Ghafar Taib, 1992).

Polis disegenap pelusuk dunia menggandakan tindakan mereka dalam usaha memerangi dadah. Pihak berkuasa mahukan lebih ramai orang yang terlibat dengan dadah ditangkap, didakwa dan ditahan dalam penjara dengan masa yang lebih lama lagi. Negara Eropah dan Amerika Syarikat membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membantu program antidadah di Bolivia dan Peru.

Di negara kita, dadah dalam konteks masyarakat kita tidak perlu diperkenalkan lagi kerana setiap kelompok masyarakat telah pun mengetahuinya kerana 'publisiti' besar-besaran diberi kepadanya. Akan tetapi sejauh manakah kita menghayati dan menginsafi akan tragedi disebalik perkataan 'dadah' tersebut perlu dipersoalkan. Pelbagai slogan telah digunakan oleh pihak kerajaan untuk menyedarkan rakyat akan kesan dahsyat dan buruk akibat penyalahgunaannya. Yang pasti, kita tetap akan berhadapan dengan penagih dadah di mana-mana kita berada di negara ini, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Bahkan, statistik menunjukkan bahawa bilangan penagih dadah tetap ramai dan di sesetengah tempat semakin meningkat setiap hari (Wan Azmi, 1998).

Dadah adalah pengancam keselamatan dan kesejahteraan hidup manusia. Manusia akan musnah jika wabak ini tidak dicegah dan dihapuskan. Generasi akan datang tidak akan selamat lagi sekiranya manusia pada zaman ini tidak berjuang untuk menentanginya habis-habisan. Dadah telah menular bukan sahaja di kawasan bandar, malah di kawasan luar bandar. Golongan belia telah mula terjebak dengan budaya dadah ini. Apabila terjebak dengan budaya dadah, peluang untuk pulang ke pangkal jalan amatlah sukar. Akhirnya mereka akan menemui maut (Abdul Ghafar Taib, 1992).

Walaupun bagaimanapun, kita wajar rasa bersyukur kerana kerajaan kita bertindak begitu tegas menghadapi masalah durjana dadah ini. Undang-undang hukuman gantung mandatori bagi pengedar-pengedar dadah serta harta-benda mereka dirampas adalah satu tindakan yang keras dan tegas, yang perlu dilaksanakan tanpa rasa simpati memandangkan kerosakan yang telah mereka lakukan terhadap sistem masyarakat dan negara.

Kerajaan juga telah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah di negara ini sejak tahun 1975 dengan menggunakan Pendekatan Psikososial. Pada ketika itu masalah dadah adalah merupakan masalah sosial. Bagaimanapun setelah kerajaan mengisytiharkan masalah dadah sebagai satu ancaman kepada keselamatan dan meletakkannya sebagai musuh nombor satu negara, kerajaan telah memutuskan supaya perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri mulai Mei 1983. Berikutan pengambilalihan perkhidmatan tersebut, kerajaan telah menggubal Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 sekaligus memperkenalkan satu pendekatan baru iaitu *Multidisciplinary Approach* dengan berkonsepkan *Tough and Rugged* yang lebih agresif dan tegas dalam rawatan dan pemulihan dadah. Melalui pendekatan ini, setiap penagih dadah yang mengikuti rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti dikehendaki menjalani proses regimentasi ala tentera dengan tujuan untuk membina ketahanan mental dan fizikal serta disiplin diri (Lasimon Matokrem *et al.*, 1999).

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Masalah penagihan dadah di Malaysia kini berada ditahap yang sangat serius dan perlu dibendung segera (Mahmood Nazar Mohamed, 2006). Lasimon Matokrem *et al.* (1999) menyatakan bahawa penagihan dadah merupakan masalah yang rumit dan sukar untuk diatasi dalam tempoh yang singkat. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (rujuk Lampiran F), data penagih terkumpul di Malaysia semenjak tahun 1988 sehingga 2005 adalah seramai 289,763 orang. Situasi ini amat membimbangkan dan merisaukan kita walaupun banyak usaha untuk memerangi dadah telah dilakukan oleh kerajaan. Antaranya ialah penubuhan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) pada tahun 1976, penubuhan Majlis Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 1996, dan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah pada tahun 2004. Namun usaha untuk menangani masalah dadah ini tiada penyudahnya.

Pengistiharan perang dadah habis-habisan oleh Perdana Menteri telah diumumkan pada tahun 2003, di mana Malaysia telah menetapkan sasaran mencapai negara bebas dadah pada tahun 2015. Pihak kerajaan membelanjakan wang berjuta ringgit setahun bagi tujuan memerangi dadah dan pemulihannya. Perbelanjaan yang sebesar ini masih tidak cukup untuk kita memerangi masalah dadah ini. Ini menunjukkan perang keatas dadah bukan bergantung kepada berapa wang yang kita

ada, tetapi komitmen dan kesungguhan semua pihak untuk membasminya (Mohd Nizam, 2007).

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh PEMADAM bermula dari Januari hingga Disember 2005, menunjukkan seramai 32,808 orang penagih dikesan. Daripada jumlah tersebut, seramai 15,389 orang adalah penagih baru dan seramai 17,419 orang adalah penagih berulang dan masing-masing mewakili 46.91 peratus dan 53.01 peratus. Keadaan ini menyebabkan bilangan penagih dadah di negara kita semakin meningkat sekaligus menambah kapasiti pusat serenti tanpa adanya penyelesaian dan strategi yang berkesan untuk memulihkan penagih dadah.

Berdasarkan statistik, Negeri Pulau Pinang mencatatkan penagihan berulang yang paling tinggi iaitu seramai 4,176 berbanding penagih baru iaitu seramai 2,227 orang. Secara purata, bilangan penagihan berulang bagi semua negeri adalah amat tinggi iaitu seramai 1452 orang penagih bagi setiap sebulan. Ini menunjukkan bahawa penagihan berulang merupakan masalah yang perlu diselesaikan dengan segera. Timbul persoalan sama ada program-program yang disediakan di pusat serenti tidak memenuhi kehendak penagih ataupun mereka sendiri tidak dapat melepaskan diri daripada cengkaman najis dadah.

Jika dilihat pada statistik yang dikeluarkan, bangsa Melayu merupakan bilangan yang paling ramai terlibat dengan penagihan berulang iaitu seramai 11,723 orang dan diikuti dengan bangsa Cina seramai 3,131 orang, bangsa India seramai 2020 orang, Pribumi Sabah dan Sarawak seramai 383 orang, lain-lain bangsa seramai 159 orang dan warga asing seramai tiga orang. Hal ini menunjukkan telah berlakunya keadaan *relapse* dikalangan penagih iaitu penagihan atau pengambilan semula dadah. Salah satu faktor yang mendorong pengambilan semula dadah ini ialah cemuhan dan kurangnya simpati dan empati oleh masyarakat terhadap bekas penagih dadah (Md Shuaib Che Din, 1996). Daripada takrifan beberapa pakar penagihan bahan seperti Marlatt dan Gordon (1985) *relapse* dilihat sebagai kegagalan klien dalam cubaan untuk mengubah perlakuannya berkaitan dengan pengambilan dadah. Manakala Chiauzzi (1991) pula merujuk *relapse* sebagai kembali kepada perlakuan menagih selepas suatu tempoh berhenti daripada mengambil dadah. Seterusnya Rasmussen (2000) mendefinisikan *relapse* sebagai penggunaan semula dadah selepas berhenti mengambilnya untuk suatu tempoh.

Berdasarkan rekod pemulihan penagih, peratusan penagih yang berjaya mengekalkan kepulihannya setelah tamat tempoh pemulihan ialah dalam lingkungan 30 peratus hingga 35 peratus. Ini adalah jelas menggambarkan bahawa kaedah rawatan dan pemulihan yang dipraktikkan masih belum benar-benar berkesan seperti yang diharapkan. Kadar *relapse* yang tinggi merupakan manifestasi kelemahan program rawatan dan pemulihan yang perlu dikaji, diteliti dan dimantapkan lagi agar bersesuaian dengan keperluan pelbagai kategori penagihan. Kurangnya sistem sokongan sosial (*social support system*) untuk membantu penagih terutama semasa menjalani pemulihan dalam komuniti juga merupakan isu dan cabaran yang sering dihadapi dan begitu mendesak dalam konteks pemulihan (Lasimon Matokrem *et al.*, 1999).

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Penagih-penagih yang menjalani rawatan pemulihan di pusat serenti telah dibekalkan dengan modaliti-modaliti pemulihan termasuklah asas kemahiran hidup dan vokasional dan lain-lain lagi. Berbekalkan dengan latihan yang telah diterima, bagaimanakah masalah penagihan berulang dikalangan penagih ini boleh diatasi? Persoalan lain yang timbul, apakah sebenarnya yang diharapkan oleh penagih semasa menjalani tempoh tahanan dan latihan apabila mereka keluar kelak?

Penyelidik percaya masalah dadah ini bukan sahaja disebabkan oleh diri penagih itu sendiri, malah permasalahan dan kelemahan yang dialami oleh masyarakat di dalam institusi negara ini turut menyumbang berlakunya gejala penagihan berulang dikalangan penagih. Penubuhan pusat-pusat pemulihan yang melaksanakan pelbagai bentuk program rawatan dan pemulihan masih tidak menjamin pemulihan dan kesedaran kepada penagih-penagih yang berulang ini. Menurut Md Shuaib Che Din (1996), kita masih lagi belum menemui cara atau kaedah yang boleh menjamin bahawa apabila kita berada di tempat pemulihan yang tertentu, individu pesalah dan penghuni akan dapat dipulihkan dengan senang seperti yang kita mahukan.

Penyelidik merasakan setiap pelatih yang menjalani tahanan dan latihan di pusat serenti berharapan setidak-tidaknya berubah dari seorang penagih kepada individu yang tidak akan menagih semula. Berbekalkan dengan ilmu dan pengalaman semasa menjalani pemulihan dan latihan para pelatih seharusnya boleh mengharapkan hidup yang sihat selepas keluar kelak.

Oleh sebab itu, satu kajian telah dilaksanakan di pusat serenti yang dikenali bagi mengetahui pengharapan masa depan pelatih dari aspek membentuk semula personaliti diri, diterima untuk mendapat pekerjaan, membuka perniagaan sendiri dan meningkatkan lagi kemahiran sedia ada selepas keluar daripada pusat serenti dengan berbekalkan latihan vokasional yang diterima.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Beberapa objektif kajian telah dirangka sebagai garis panduan ke atas kajian yang dijalankan. Langkah ini perlu supaya matlamat kajian yang dirancang dapat dicapai sepenuhnya. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti sama ada wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk membentuk semula personaliti diri setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti.
2. Mengenalpasti sama ada wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk diterima bekerja setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti.

3. Mengenalpasti sama ada wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk membuka perniagaan sendiri setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti.
4. Mengenalpasti sama ada wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab beberapa persoalan mengenai pengharapan masa depan pelatih pusat serenti selepas keluar dari pusat serenti dengan latihan vokasional yang diterima. Di antara persoalan-persoalannya ialah:

1. Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih dari segi membentuk semula personaliti diri setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?
2. Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk diterima bekerja setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?
3. Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk membuka perniagaan sendiri setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?
4. Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?

6.0 SOROTAN KAJIAN

Usaha pemulihan penagihan dadah sememangnya merupakan suatu cabaran bagi para saintis khususnya ahli-ahli psikologi, kaunselor psikitri dan pekerja sosial masa kini. Pelbagai pendekatan telah dicuba seperti memberi dadah gantian (Kirby & Lamb, 1995), latihan ala ketenteraan (Mahmood *et al.*, 1999), rawatan homeopati, pemulihan kerohanian dan penyucian spiritual (Mahmood, Shuaib & Ismail, 1998), modifikasi tingkah laku (Monti & Rohsenow, 1997), pemulihan psikososial (Callaghan, Benton & Bradeley, 1995), psikoterapi (Curran, Helene & Stephen, 2000) dan pelbagai yang lain. Namun demikian, tiada satu pun yang memberi jaminan mutlak daripada gejala penagihan.

Pelbagai hasil telah dilaporkan daripada hampir tiada kejayaan kepada hampir 90% (Catalano *et al.*, 1999). Ramai dikalangan penagih yang sudah menjalani program pemulihan gagal mempertahankan cara hidup bebas dadah. Di Malaysia, Agensi Dadah Kebangsaan melaporkan kadar penagihan semula adalah antara 58% hingga 65% (Laporan Dadah, 1997). Manakala kajian Mahmood, Shuaib dan Lasimon (1999) mendapati sekitar 60% gagal bertahan selepas beberapa bulan sahaja pelatih

meninggalkan pusat serenti. Hal ini amat merisaukan kerana disamping membina permintaan dadah yang lebih besar, kumpulan ini juga berkemungkinan akan mempengaruhi orang lain khususnya para remaja untuk menyalahgunakan dadah, serta berlakunya peningkatan jenayah yang berkaitan dadah dalam sesebuah komuniti.

Peningkatan penagihan berulang seringkali berlaku dikalangan pelatih pusat serenti. Peningkatan kadar jenayah yang juga dikatakan berpunca dari penagih dadah. Oleh yang demikian, penyelidik berminat untuk mengetahui dengan lebih lagi dengan menjalankan sendiri penyelidikan ke atas pelatih-pelatih di pusat serenti ini. Hasil daripada kajian tersebut dapatlah penyelidik mengetahui apakah harapan sebenar yang diharapkan oleh pelatih-pelatih apabila keluar kelak agar dapat mengelakkan daripada berlakunya penagihan yang berulang.

Menurut Abdul Ghafar Taib (1998) seseorang individu itu harus dilindungi daripada dadah sejak dari awal lagi. Seseorang itu perlu mempunyai kekuatan dalam dirinya supaya mereka boleh mencegah daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur yang menyebabkan terperangkap dengan dadah.

Pencegahan awalan merupakan strategi pencegahan yang dianggap paling berkesan dalam membentasi penyalahgunaan dadah. Kesedaran diri tentang bahaya dadah dan mempunyai pengetahuan serta pendidikan tentang bahayanya dadah kepada individu, masyarakat, negara dan agama adalah pencegahan yang terbaik.

Di Malaysia program pencegahan yang dilaksanakan memberikan penekanan kepada usaha mewujudkan satu keadaan yang dapat menyekat anggota masyarakat daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Menurut Mohd Reduan Aslie (1990) strategi asas rancangan bertindak lima tahun anti dadah yang dilancarkan oleh kerajaan meliputi 1985 – 1989 adalah seperti berikut :

- (a) Pencegahan melalui pendidikan, penerangan atau publisiti yang melibatkan masyarakat dan perundangan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang.
- (b) Pemulihan melalui pengesanan, pengawasan penggunaan, dadah experimental, pemulihan institusi dan pencegahan ketagihan semula melalui penjagaan lanjutan intensif.
- (c) Kemajuan tenaga manusia, penyelidikan dan penilaian melalui latihan pelbagai bidang asas dan lanjutan, latihan kumpulan jurulatih, penilaian program dan kajian epidemiologi.

Kajian mengenai keberkesanan program rawatan dan pemulihan

Shafie (1978) telah menjalankan kajian di Pusat Pemulihan, Bukit Mertajam. Tujuan kajian adalah untuk melihat faktor kepincangan keluarga, pengaruh rakan sebaya,

perasaan ingin tahu, gangguan masa lapang dan sikap penagih terhadap dadah. Hasil dapatannya didapati faktor kepincangan keluarga, pengaruh rakan sebaya, perasaan ingin tahu merupakan faktor pendorong kepada pengambilan dadah.

Dzulkifli (1985) telah menjalankan satu kajian di sebuah penjara untuk menilai modaliti yang mana mempunyai keberkesanan dalam mengubah sahsiah banduan yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Hasil dapatan didapati terdapat keberkesanan melalui rawatan pembelajaran bilik darjah yang begitu tinggi dengan peningkatan penghargaan dikalangan kelompok mereka. Ini adalah hasil daripada luahan emosi dan perasaan yang terpendam yang menjadi punca kepada permasalahan mereka.

Arif Fadilah (1987) menjalankan kajian di Pusat Serenti Perlop, Sungai Siput, Perak untuk melihat dan menilai keberkesanan program pemulihan. Hasil kajian menunjukkan keberkesanan program dan kepuasan pelatih menerima rawatan dipengaruhi oleh proses psikologi, sosiologi dan pola interaksi di pusat pemulihan tersebut.

Coleman dan rakan-rakan (1980) menyatakan bahawa keadaan tempat persekitaran pemulihan dadah boleh menyebabkan para penagih berputus asa untuk mengubah sikapnya. Hasil kajian mendapati mereka mempunyai tabiat yang buruk seperti mempunyai dua atau lebih nama samaran yang sama di kalangan mereka.

Cairns (1994) pula menjalankan kajian mengenai program kaunseling. Hasil dapatan menunjukkan golongan penagih dadah perlu menerima pencegahan peringkat awal, jika tidak ianya akan membawa implikasi yang buruk terhadap perubahan diri seperti tingkah laku yang agresif, pengambilan alkohol, kegagalan dalam akedemik, kerengangan hubungan dalam keluarga dan sebagainya.

Wallace (1989) telah menjalankan kajian mengenai penagih yang menagih semula berdasarkan faktor psikologi dan persekitaran. Hasil dapatannya menunjukkan bahawa faktor penagihan semula adalah disebabkan masalah emosi, kegagalan pusat memberi perkhidmatan, masalah psikopatologi dan masalah-masalah lain.

Choy Jen (1997) menjalankan kajian mengenai sikap penagih di Pusat Serenti Sungai Besi dan Penjara Kajang. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara komponen kognitif, afektif dan tingkah laku secara keseluruhan yang melibatkan sikap yang positif terhadap perkhidmatan kaunseling.

Kajian Kesan dan Bahaya Dadah

Dr. Subramaniam, pakar perubatan sakit jiwa Hospital Besar Kuala Lumpur menyenaraikan kesan buruk penyalahgunaan dadah, iaitu :

- a) Menyebabkan seseorang itu menjadi hamba dadah walaupun dia bersungguh-sungguh melepaskan diri dari tabiat itu.
- b) Akhlaknya semakin runtuh dan boleh menyebabkan dia tidak dapat bekerja seperti biasa.

- c) Ketagihan dadah misalnya narkotik, lazimnya menyebabkan kesakitan dan penderitaan yang hebat, iaitu ketika berlakunya *withdrawl symptoms*, sekiranya lebih banyak bekalan tidak diperolehi.
- d) Penyakit otak misalnya *amphetamines, alcohol, barbiturates*, ganja dan L.S.D
- e) Kekurangan zat makanan, penyakit hati, penyakit jantung, *bacterial endocarditis, septicemia*, sakit bisul, *verous thrombosis*, kematian mengejut, batuk kering dan rasa kecewa yang boleh mendorong seseorang itu membunuh diri.
- f) Anti sosial dan melakukan jenayah bagi tujuan untuk mendapatkan bekalan dadah atau membeli dadah

Kesan kepada ekonomi

Penyalahgunaan dadah memberikan kesan yang besar dan serius kepada ekonomi penagih, keluarga dan negara. Menurut Abdul Ghafar Taib (1992), penagihan dadah memberikan kesan buruk kepada perkembangan ekonomi, diantaranya adalah seperti berikut :

- a) Menimbulkan kemiskinan kepada keluarga.
- b) Merosotnya ekonomi dibidang perniagaan dan perumahan.
- c) Melemahkan jentera kerajaan
- d) Mengakibatkan pengkhianatan kepada jentera perusahaan.
- e) Mengurangkan pengeluaran hasil bumi, hasil pertanian dan hasil perusahaan.
- f) Terjejasnya ekonomi negara secara menyeluruh.

Kesan kepada keluarga

Penyalahgunaan dadah juga memberi kesan dan mempengaruhi keluarga dengan pelbagai cara. Diantara masalah yang dicituskan akibat ketagihan ialah:

- a) Rumahtangga menjadi porak poranda, terdapat penceraian, keretakan perhubungan dan putusnya kasih sayang antara ahli keluarga.
- b) Kehilangan harta benda.

- c) Menjatuhkan maruah dan mencemarkan nama baik keluarga.
- d) Menghancurkan harapan dan impian ibu bapa yang mengharapkan anak-anaknya berjaya. Menyebabkan kematian.

Kesan kepada masyarakat

Menurut Abdul Ghafar Taib (1992), Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Kemantapan sosio politiknya diantara lain bergantung kepada keupayaan masyarakatnya hidup dengan penuh harmoni dan saling faham memahami antara satu kaum dengan kaum yang lain. Kemantapan ini akan tergugat jika ramai daripada rakyatnya yang hilang pertimbangan dan perhitungan akibat dadah. Diantara akibat lain adalah seperti berikut:

- a) Menambahkan kes-kes jenayah seperti mencuri, menyamun, merompak dan membunuh. Menimbulkan perselisihan faham dan persengketaan antara satu keluarga dengan keluarga yang lain.
- b) Melemahkan perpaduan, pembangunan dan kemajuan masyarakat.
- c) Melibatkan perselisihan faham antara kaum.
- d) Melemahkan kecenderungan dan keimanan terhadap agama.
- e) Melemahkan kesopanan dan kesusilaan.

7.0 KONSEP BERKAITAN

Konsep Kerjaya

Kerjaya merupakan adalah satu rangkaian pekerjaan atau pengalaman yang dilakukan oleh seseorang itu dalam jangka masa tertentu bagi menjalankan tanggungjawab (Rohany dan Fatimah, 1987). Manakala menurut Super (1957), menegaskan bahawa kerjaya termasuklah pesediaan sebelum seseorang itu melibatkan diri dengan pekerjaan serta peranan-peranan yang dilakukan selepas seseorang itu bersara.

Sesetengah individu hanya mempunyai satu pekerjaan dalam hidupnya. Manakala individu lain pula mempunyai lebih daripada satu pekerjaan dan sering bertukar-tukar pekerjaan disepanjang hayatnya. Pada kebiasaannya, individu yang bertukar kerjaya disebabkan oleh beberapa faktor bagi meningkatkan kualiti hidup, memenuhi minat atau mencapai kepuasan.

Bagi Crites (1969), pemilihan kerjaya akan berlaku apabila individu menyatakan keinginan dan maksud untuk memasuki dan melibatkan diri dalam bidang pekerjaan tertentu. Tiga perkara yang perlu ada dalam membuat pemilihan kerjaya:

1. Adanya beberapa jenis pilihan. Ada dua atau lebih jenis pekerjaan untuk dijadikan pilihan. Individu tersebut akan mempunyai pilihan kerja yang paling ideal untuk dirinya.
2. Adanya insentif dalam membuat pilihan. Individu akan bermotivasi untuk membuat pilihan tertentu kerana adanya ganjaran seperti sumber kewangan dan status dalam masyarakat.
3. Adanya kebebasan memilih. Individu mestilah diberikan kebebasan untuk memilih pekerjaan yang bermakna bagi dirinya. Jika kebebasan ini disekat, individu tidak dapat melakukan pekerjaan yang paling ideal bagi dirinya.

Proses kerjaya merupakan satu proses yang berterusan di mana individu melibatkan diri dalam sesuatu pekerjaan yang boleh membantu kepada perkembangan peribadi terutamanya dalam bidang pekerjaan yang diceburi.

Menurut Mohd Yunus (2005), satu pemulihan yang sempurna hanya akan berjaya diperoleh dan dilepasi oleh mereka yang berhati cecal dan gigih sahaja. Apa yang penting mereka yang terlibat khususnya bekas penagih perlu membuat persediaan dan perancangan, mempelajari kemahiran-kemahiran, serta memerlukan penunjuk jalan dan juga sokongan moral daripada orang penting dalam hidup mereka untuk menemani dan mengharunginya.

Konsep Hidup Berdikari

Perkara utama didalam proses membentuk cara hidup berdikari dikalangan pelatih adalah menghentikan memori pahit dan pegangan negatif menurut Mecheal Anderson (2001), adalah sebagai satu langkah membentuk konsep sendiri yang positif. Oleh itu, sewajarnya peristiwa trauma yang pahit itu dilupakan dan pegangan yang negatif yang berkaitan orang di sekelilingnya perlu dihentikan untuk mewujudkan satu imej baru yang sihat dan berkeyakinan.

Keazaman dalam membentuk peribadi diri perlu ditanamkan dalam diri pelatih tanpa sebarang paksaan. Keazaman tidak boleh diatur oleh orang lain, oleh yang demikian tekad dalam diri pelatih untuk membina keazaman bagi melarikan diri kepompong masalah yang dihadapi merupakan inisiatif sendiri (Bruce Waller, 1999). Albert Elis (1987), menjelaskan bahawa manusia selalu membuat kesilapan pada dirinya dengan idea yang tidak rasional. Mewujudkan kebimbangan dan kemurungan serta benci pada diri (*self hating*). Terapi *emotif rasional* selalu menganggap masalah manusia berpunca dari falsafah yang salah, maka falsafah ini hendaklah dibetulkan.

Adler (1973), individu yang bermotivasi dan berprestasi tinggi, suka mencari cabaran dan bersaing untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan lebih baik bagi memperolehi kepuasan dari kerjayanya. Seseorang yang berprestasi tinggi, mereka berminat mendengar mesej yang mengandungi topik-topik yang menggambarkan peluang kemajuan kepada kerjaya ataupun peningkatan dari segi peluang untuk mencapai status ekonomi yang tinggi. Oleh itu, salah satu langkah untuk membina hidup berdikari adalah dengan mempunyai motivasi dalaman yang tinggi. Individu yang mempunyai motivasi yang tinggi sentiasa bersungguh-sungguh melakukan pekerjaan, menentukan, berkeyakinan, sentiasa bersedia untuk melakukan tindakan dan optimistik.

Konsep Pembentukan Personaliti

Di dalam pendekatan personaliti konsep yang selalu yang digunakan adalah dari jenis tingkah laku (*behaviorism*), pemikiran (*cognitive*), kewujudan atau makna (*existentialism*), gabungan pemikiran dan tingkah laku (CBT), gabungan emosi dan tingkah laku (RET) dan kemanusiaan (*humanistic*) (Mahmood Nazar, 2006).

Bagi memastikan proses pembentukan personaliti berjalan dengan sempurna, terdapat empat peringkat fasa kaunseling yang dijalankan. Fasa pertama meliputi proses memberi kefahaman dan meningkatkan kesediaan untuk mengikuti program pemulihan, menyesuaikan diri dengan persekitaran, menyedari masalah yang dialami dan menyediakan rancangan pemulihan. Fasa kedua pula, mewujudkan kesedaran bagi menyelesaikan masalah yang dialami secara positif dan kreatif, mempereratkan perhubungan, meningkatkan kemesraan antara keluarga dan mewujudkan kesedaran bagi membuat rancangan yang sesuai. Fasa ketiga adalah proses membina kemahiran daya tindakan bagi membolehkan pelatih menguruskan tekanan dengan berkesan dan memberi kemahiran serta penekanan dalam aspek pengurusan diri. Fasa terakhir pula, adalah untuk mengukuhkan *coping skill* bagi mencegah penagihan semula, menitegrasikan semula kedalam masyarakat, membantu membuat perancangan hidup selepas menjalani pemulihan dan membantukan seorang individu yang produktif dan sempurna (Mahmood Nazar, 2006).

Bagi memastikan proses pembentukan personaliti berjalan dengan sempurna, program pemulihan penagih perlu dijalankan dengan sistematik. Pada peringkat permulaan, program pemulihan ini akan menyebabkan seseorang itu dapat mengalami masalah pengantungan fizikal dan psikologi terhadap dadah dan memutuskan penggunaan dadah secara serta-merta akan mengakibatkan seseorang itu mengalami gejala pengunduran. Oleh yang demikian, di dalam proses pemulihan sokongan pihak luar memainkan peranan dalam membantukan penagih untuk kembali menjalani kehidupan normal.

8.0 METOD

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu penggunaan set soal selidik yang diedarkan sendiri oleh penyelidik kepada pelatih-pelatih di pusat serenti. Deskriptif merujuk kepada kaedah statistik untuk menerangkan ciri-ciri satu kumpulan sampel (Mohd. Najib, 1999). Vockel (1983) pula menyatakan bahawa penyelesaian secara deskriptif memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada. Rekabentuk ini sesuai digunakan kerana ia dapat menerangkan fenomena yang sedang berlaku.

Penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd Najib, 1999). Ia juga merupakan kajian yang boleh meninjau terhadap sampel atau populasi. Oleh itu, pemilihan rekabentuk tersebut dalam kajian ini adalah kerana kesesuaiannya untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah yang dikaji, maklumat dan butiran yang dikehendaki.

2. Tempat Kajian

Penyelidik telah memutuskan untuk menjalankan kajian di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru, Johor sebagai tempat kajian.

3. Sampel Kajian

Dalam kajian penyelidikan, perkara penting yang perlu diambil kira ialah pemilihan populasi dan juga sampel yang ingin dikaji. Populasi adalah satu set lengkap semua kumpulan yang memenuhi spesifikasi. Manakala sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya (Azizi Yahya, 2006). Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa sampel adalah sumber untuk mendapatkan data kelompok individu yang diselidiki dan perlu dikenalpasti.

Penyelidik dibantu oleh ketua komandan pengurusan pusat serenti dalam mengenalpasti dan memilih responden. Setelah mengambil kira faktor keselamatan dan faktor lain yang berkaitan, seramai 48 orang pelatih telah dipilih sebagai responden. 35 Responden terdiri daripada pelatih yang sedang mengikuti fasa empat latihan dan juga boleh membaca dan menulis dengan baik. Menurut Cates (1990), adalah lebih sesuai jika pemilihan sampel melibatkan jumlah sampel yang seberapa besar yang boleh. Ini adalah untuk mengatasi kesulitan statistik yang mungkin timbul dari penggunaan sampel yang kecil dalam mendapatkan penemuan yang bererti. Menurut Najib (1998), lebih besar saiz sampel, maka lebih mantap kajian kerana dapat mengurangkan kesilapan keputusan. Di samping itu, saiz sampel boleh menentukan kesahan dan kebolehpercayaan skor. Oleh itu, penyelidik menganggap saiz sampel yang dipilih iaitu

seramai 48 orang akan dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan.

4. Instrumen Kajian

Dalam kajian ini penyelidik telah membuat sendiri set soal selidik untuk mendapatkan hasil dapatan kajian. Penyelidik telah mendapatkan panduan daripada Ketua Komandan Pusat Serenti Tampoi dan juga penyelia dalam membina item-item yang bersesuaian bagi menjawab persoalan kajian. Penggunaan soal selidik membolehkan penyelidik memperolehi maklumat yang banyak dengan perbelanjaan yang sedikit. Soal selidik digunakan kerana ia lebih mudah untuk mendapatkan kerjasama responden (Mohd Majid, 1994). Soal selidik juga dapat menampung bilangan responden yang ramai. Bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian. Disamping itu, penggunaan kaedah soal selidik adalah ringkas dan mudah ditadbir. Cadangan jawapan yang dikemukakan akan memudahkan responden menjawab soalan dengan cepat (Mohd Najib, 1999).

Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan persoalan kajian iaitu pengharapan untuk membentuk semula personaliti diri, untuk diterima bekerja, untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada, dan harapan untuk membuka perniagaan sendiri. Sebahagian soal selidik diambil dari penyelidikan yang telah dilakukan oleh pengkaji yang telah membuat kajian yang berkaitan. Didapati item soalselidik adalah relevan dengan kajian yang sedang dilakukan.

Borang soal selidik yang dikemukakan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dijalankan. Kandungan setiap bahagian adalah seperti berikut:

Bahagian A:

Bahagian ini mengandungi maklumat diri responden. Sejumlah sembilan item digunakan untuk mendapatkan maklumat peribadi atau latarbelakang penagih bagi memudahkan pengelasan atau mengenalpasti subjek semasa penganalisan dijalankan. Responden dikehendaki untuk menandakan pada ruang yang disediakan.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi satu set soalan yang mengandungi 30 soalan mengenai pengharapan pelatih pusat serenti setelah menjalani latihan vokasional. Setiap item diskalakan mengikut kaedah *dichotomous* iaitu penggunaan YA atau TIDAK. Soalan-soalan tersebut dibahagikan seperti berikut:

1. Lapan item soalan berkaitan dengan pengharapan untuk membentuk semula personaliti diri.
2. Lapan item soalan berkaitan dengan pengharapan untuk diterima bekerja.
3. Tujuh item soalan berkaitan dengan pengharapan untuk membuka perniagaan sendiri.
4. Tujuh item soalan berkaitan dengan pengharapan untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada.

Pernyataan soalan yang dibentuk dibahagikan kepada empat komponen, iaitu mengenai pengharapan untuk membentuk semula personaliti diri, pengharapan untuk diterima bekerja, pengharapan untuk membuka perniagaan sendiri dan pengharapan untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada.

5. Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti masalah melalui bacaan kajian-kajian lepas. Penyelidik kemudiannya mendapatkan surat kebenaran daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai bagi menjalankan kajian di Pusat Serenti Tampoi untuk mendapatkan maklumat awal dan prosedur yang berkaitan.

Penyelidik berbincang dengan pensyarah pembimbing dan menyiapkan kertas cadangan kajian termasuklah penulisan latar belakang masalah, pernyataan masalah, 38 objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya penyelidik telah memohon kebenaran menjalankan kajian di Pusat Serenti Tampoi melalui pensyarah pembimbing kepada Ibu Pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Aras 5 & 6 Parcel D Blok D1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya, bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian dan mengedarkan soal selidik di Pusat Serenti Tampoi.

Soal selidik dibina terlebih dahulu dan ditentukan kebolehpercayaan dan kesahannya dengan merujuk kepada pegawai yang bertauliah iaitu Komandan Pusat Serenti Tampoi, dan seterusnya mengedarkan borang soal selidik ke pusat serenti yang telah ditentukan iaitu di Pusat Serenti Tampoi.

Selepas itu penyelidik mengumpulkan semula borang soal selidik dan kembali semula kepada kerja-kerja penulisan. Seterusnya penyelidik menganalisis data yang diperolehi daripada pelatih-pelatih pusat serenti. Penyelidik seterusnya membuat kesimpulan ke atas hasil kajian yang diperolehi setelah menganalisa data-data tersebut.

6. Analisis Data

Menurut Mohd Majid Konting (1994), pemrosesan data merupakan teknik pengumpulan, pengolahan, penganalisan, penyimpanan dan pengeluaran data. Pemrosesan data ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berguna dan bermaklumat. Setelah semua soal selidik dikumpul, pengkaji akan membuat semakan agar responden mengikut segala prosedur yang diberikan.

Keputusan soal selidik para pelatih di Pusat Serenti Tampoi ini dibincangkan dalam dua bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan latar belakang responden dan bahagian B berkaitan dengan pengharapan para pelatih setelah keluar dengan latihan 39 vokasional yang diterima. Pada bahagian B terdapat 30 item yang dikelompokkan mengikut persoalan kajian.

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah Statistik Deskriptif dengan penekanan kepada nilai peratus yang diperolehi. Data dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package For Social Science, Version 12)*, untuk mendapatkan skor pencapaian sampel. Hasil analisis dinyatakan dalam skor peratusan dan kekerapan yang disusun mengikut hierarki dan dikelaskan mengikut kategori tahap pencapaian.

Pada bahagian A, setiap item dianalisis berdasarkan peratusan dan kekerapan. Bagi semua soalan pada bahagian B, kaedah peratusan dan kekerapan juga akan dilakukan. Nilai ini bergantung kepada perbandingan antara jumlah peratus yang akan menjawab YA atau TIDAK. Bagi memudahkan proses penganalisan data, item- item dikumpul terlebih dahulu mengikut kelompok yang bersandarkan kepada persoalan kajian. Di samping itu *cross tabulation* digunakan untuk mengetahui perbezaan pengharapan diantara pelatih pusat serenti berdasarkan peringkat umur. Ujian ini dilakukan kerana terdapat perbezaan diantara skala yang ditetapkan iaitu umur merupakan skala nominal manakala pengharapan terhadap latihan vokasional adalah berskala ordinal (Pilcher, 1990).

Mengikut Mohd Majid Konting (1994), takrifan terhadap fakta adalah hak individu pengkaji sendiri. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan skor peratus untuk mengetahui tahap pengharapan sama ada tinggi, sederhana atau rendah ke atas persoalan kajian yang dikaji.

Berpandukan pada jadual 1, Mohamad Najib, (1997) menyatakan cara ini amat sesuai di mana penghuraian dapat dijelaskan mengikut nilai peratusan yang diperolehi.

Jadual 1: Peratusan Skor

Peratus (%)	Skor
61-100	Tinggi
31-60	Sederhana
0-30	Rendah

9.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

1. Bahagian A (Analisa Latar Belakang Responden)

Pada bahagian ini ia mengandungi sembilan soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Analisis data yang diperolehi ditunjukkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

Bangsa

Jadual 2 menunjukkan bangsa Melayu mencatatkan bilangan responden yang paling ramai iaitu seramai 44 orang (91.7%), bangsa Cina dan India masing-masing mencatatkan bilangan responden yang sama iaitu seramai 2 orang (4.2%).

Jadual 2: Taburan responden mengikut bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus(%)
Melayu	44	91.7
Cina	2	4.2
India	2	4.2
Jumlah	48	100.0

Umur

Berdasarkan jadual 3, peringkat umur 31 – 40 tahun mencatatkan bilangan responden yang terbanyak iaitu seramai 23 orang (47.9%). Peringkat umur yang mencatatkan bilangan kedua terbanyak adalah pada peringkat umur 41 – 50 tahun dengan jumlah seramai 14 orang dan diwakili dengan 29.2%. Bagi peringkat umur 21 – 30 tahun pula, seramai 8 orang (16.7%) dicatatkan. Seterusnya seramai 2 orang (4.2%) dicatatkan pada peringkat umur 51-60 tahun dan seorang responden (2.1%) dicatatkan pada umur lebih daripada 60 tahun.

Jadual 3: Taburan responden mengikut peringkat umur

Umur	Kekerapan	Peratus(%)
Kurang 20 tahun	0	0
21-30 tahun	8	16.7
31-40 tahun	23	47.9
41-50 tahun	14	29.2
51-60 tahun	2	4.2
Lebih 60 tahun	1	2.1
Jumlah	48	100.0

Tempoh berada di pusat serenti

Taburan responden mengikut tempoh tahanan diambil kira sepanjang mereka berada di pusat serenti ini, iaitu bermula daripada fasa satu sehingga sekarang. Taburan responden mengikut tempoh tahanan ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4: Taburan responden mengikut tempoh tahanan

Tempoh	Kekerapan	Peratus (%)
Kurang dari 6 bulan	0	0
6 bulan - 1 tahun	10	20.8
1 tahun - 1½ tahun	38	79.2
1½ tahun - 2 tahun	0	0
Jumlah	48	100.0

Jadual 4 menunjukkan bilangan responden yang telah ditahan mengikut tempoh di pusat serenti ini. Untuk tempoh 1 tahun hingga 1½ tahun, seramai 38 orang (79.2%) dicatatkan. Jumlah ini diikuti dengan bilangan responden yang telah berada selama 6 bulan hingga 1 tahun iaitu seramai 10 orang dengan peratusan sebanyak 20.8%. Bagi tempoh kurang daripada 6 bulan dan tempoh selama 1½ tahun - 2 tahun, tiada kekerapan dan peratusan dicatatkan.

Jantina

Bilangan responden mengikut jantina pula adalah seramai 48 orang dan kesemuanya adalah lelaki. Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut jantina.

Jadual 5: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus(%)
Lelaki	48	100.0
Perempuan	0	0
Jumlah	48	100.0

Jenis Latihan Kemahiran

Penyelidik telah mengelaskan jenis-jenis latihan kemahiran yang dijalani oleh responden di pusat serenti kepada bidang ketukangan, pertanian/perkebunan, jahitan, kraftangan dan lain-lain latihan kemahiran. Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut jenis latihan kemahiran yang mereka jalani semasa berada di pusat serenti.

Jadual 6 : Taburan responden mengikut jenis latihan kemahiran

Jenis Latihan Kemahiran	Kekerapan	Peratus (%)
Ketukangan	16	33.3
Pertanian/perkebunan	13	27.1
Jahitan	2	4.2
Kraftangan	4	8.3
Lain-lain	13	27.1
Jumlah	48	100.0

Berdasarkan jadual 6, bilangan responden yang menjalani latihan kemahiran ketukangan adalah yang paling ramai iaitu 16 orang (33.3%). Bilangan yang kedua adalah latihan kemahiran pertanian/perkebunan dan lain-lain latihan kemahiran. Masing-masing mencatatkan bilangan yang sama iaitu seramai 13 orang (27.1%). Seterusnya ialah jenis latihan kemahiran kraftangan, iaitu empat orang (8.3%) dan yang terakhir pula adalah kemahiran jahitan dengan 2 orang (4.2%) dicatatkan.

2. Bahagian B: (Soal Selidik) Analisa Persoalan Kajian

Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih dari segi membentuk semula personaliti diri setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?

Jadual 7 berkaitan dengan persoalan kajian satu iaitu adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih dari segi membentuk semula personaliti diri setelah 50 menjalani latihan vokasional di pusat serenti. Terdapat lapan item soalan dan dianalisis mengikut taburan peratus dan kekerapan.

Jadual 7: Skor frekuensi dan peratus dalam pengharapan untuk membentuk semula personaliti diri

No	Item	Ya		Tidak		Tidak Dijawab	
		Jum	%	Jum	%	Jum	%
1	Saya lebih matang dalam membuat keputusan setelah menjalani latihan kemahiran.	46	95.8	2	4.2	0	0
2	Saya akan mengamalkan tingkah laku yang baik dalam kehidupan seharian.	48	100	0	0	0	0
3	Setelah menjalani latihan kemahiran, saya yakin untuk menguruskan diri saya.	45	93.8	3	6.3	0	0

4	Saya mengisi masa lapang dengan kerja-kerja yang berfaedah.	45	93.8	3	6.3	0	0
5	Saya akan berusaha menjadi individu yang baik.	48	100	0	0	0	0
6	Setelah menjalani latihan kemahiran, saya yakin untuk menyelesaikan sebarang masalah.	40	83.3	8	16.7	0	0
7	Saya akan cuba menjadi contoh yang baik kepada rakan-rakan saya.	46	95.8	2	4.2	0	0
8	Kemahiran yang diperolehi membuatkan saya lebih menghargai diri.	46	95.8	2	4.2	0	0
Purata keseluruhan			94.8		5.2		0
(S = 48)							

Berdasarkan jadual 7, pernyataan item pertama “Saya lebih matang dalam membuat keputusan setelah menjalani latihan kemahiran” seramai 46 responden (95.8%) menjawab YA daripada keseluruhan responden dan baki dua responden (4.2%) lagi memberikan jawapan TIDAK.

Item kedua, “Saya akan mengamalkan tingkah laku yang baik dalam kehidupan seharian”, kesemua 48 responden memberikan jawapan YA dengan nilai peratusan 100%.

Item ketiga, “Setelah menjalani latihan kemahiran, saya yakin untuk menguruskan diri saya” seramai 45 responden (93.8%) memberi jawapan YA manakala tiga lagi responden (6.3%) menjawab TIDAK.

Item keempat, “Saya mengisi masa lapang dengan kerja-kerja yang berfaedah” menunjukkan seramai 45 responden (93.8%) menjawab YA dan baki dua responden yang lain menjawab TIDAK (6.3%).

Item kelima, “Saya akan berusaha menjadi individu yang baik” memberikan jumlah yang menjawab YA seramai 48 orang (100%), iaitu nilai kesemua responden. Tiada yang menjawab TIDAK bagi item yang kelima. 52

Item keenam, “Setelah menjalani latihan kemahiran, saya yakin untuk menyelesaikan sebarang masalah”. Seramai 40 responden (83.3%) menjawab YA berbanding dengan yang menjawab TIDAK iaitu 8 orang responden yang diwakili dengan 16.7%.

Item ketujuh, “Saya akan cuba menjadi contoh yang baik kepada rakan-rakan saya” memperlihatkan 46 responden (95.8%) menjawab YA dan dua responden (4.2%) menjawab TIDAK.

Item kelapan, “Kemahiran yang diperolehi membuatkan saya lebih menghargai diri” seramai 46 responden (95.8%) menjawab YA dan baki 2 responden (4.2%) lagi menjawab TIDAK.

Daripada analisis data di atas, didapati pengharapan pelatih yang tertinggi dari segi membentuk semula personaliti diri adalah pada item yang kedua dan kelima. Item kedua ialah, “Saya akan mengamalkan tingkah laku yang baik dalam kehidupan seharian” manakala item kelima ialah, “Saya akan berusaha menjadi individu yang baik”. Kedua-dua item mencatatkan peratus tertinggi iaitu masing-masing 100%.

Bagi pengharapan yang paling rendah, dicatatkan pada item keenam iaitu, “Setelah menjalani latihan kemahiran, saya yakin untuk menyelesaikan sebarang masalah”. Pada item ini, sebanyak 83.3% yang menjawab YA.

Keseluruhan responden memberikan purata peratusan bagi soalan kajian ini dengan 94.8% menjawab YA, dan 5.2% menjawab TIDAK. Kesemua responden menjawab setiap item soalan di dalam persoalan kajian satu ini. Keputusan analisis ini menunjukkan pelatih mempunyai harapan yang tinggi untuk membentuk semula personaliti diri mereka.

Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk diterima bekerja setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?

Jadual 8 adalah berkaitan dengan persoalan kajian kedua iaitu sama ada wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk diterima bekerja setelah keluar dari pusat serenti. Terdapat lapan item soalan dan dianalisis mengikut taburan peratus dan kekerapan.

Jadual 8 : Skor frekuensi dan peratus dalam pengharapan untuk diterima bekerja.

No	Item	Ya		Tidak		Tidak Dijawab	
		Jum	%	Jum	%	Jum	%
9	Saya berharap dapat menggunakan kemahiran yang dipelajari jika diterima bekerja.	44	91.7	4	8.3	0	0
10	Saya akan berusaha mendapatkan pekerjaan melalui sumber yang ada.	42	87.5	6	12.5	0	0
11	Saya akan menerima apa jua pekerjaan yang berkaitan dengan latihan yang diterima.	38	79.2	10	20.8	0	0
12	Saya yakin dengan kemahiran yang ada memudahkan saya diterima bekerja	41	85.4	7	14.6	0	0

13	Saya tidak akan memilih pekerjaan asalkan bersesuaian dengan kelayakan saya.	45	93.8	2	4.2	0	0
14	Saya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh jika diterima bekerja.	48	100.0	0	0	0	0
15	Saya mengharapkan kelayakan yang saya terima setaraf dengan pusat latihan kemahiran lain.	39	81.3	9	18.8	0	0
16	Saya yakin pihak industri akan menerima saya bekerja.	31	64.6	16	33.3	1	2.1
Purata keseluruhan (S=48)			85.4		14.1		0.5

Berdasarkan jadual 8, pernyataan item kesembilan, “Saya berharap dapat menggunakan kemahiran yang dipelajari jika diterima bekerja” seramai 44 responden (91.7%) menjawab YA dan empat responden (8.3%) menjawab TIDAK.

Item kesepuluh, “Saya akan berusaha mendapatkan pekerjaan melalui sumber yang ada” seramai 42 responden (87.5%) menjawab YA dan seramai 6 responden lagi menjawab TIDAK dengan diwakili 12.5%.

Item kesebelas, “Saya akan menerima apa jua pekerjaan yang berkaitan dengan latihan yang diterima” seramai 38 responden (79.2%) menjawab YA dan 10 responden (20.8%) menjawab TIDAK.

Item kedua belas, “Saya yakin dengan kemahiran yang ada memudahkan saya diterima bekerja” seramai 41 responden (85.4%) menjawab YA dan tujuh responden (14.6%) menjawab TIDAK.

Item ketiga belas, “Saya tidak akan memilih pekerjaan asalkan bersesuaian dengan kelayakan saya” 45 responden (93.8%) menjawab YA berbanding dua responden (4.2%) menjawab TIDAK. Manakala seorang responden (2.1%) tidak memberikan jawapan.

Item keempat belas, “Saya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh jika diterima bekerja”. Kesemua 48 responden (100%) menjawab YA bagi item ini dan tiada seorang responden yang menjawab TIDAK.

Item kelima belas, “Saya mengharapkan kelayakan yang saya terima setaraf dengan pusat latihan kemahiran lain” menunjukkan seramai 39 responden menjawab YA iaitu 81.3%. Baki sebanyak sembilan responden (18.8%) pula memberikan jawapan TIDAK.

Item keenam belas, “Saya yakin pihak industri akan menerima saya bekerja” pula menunjukkan seramai 31 responden (64.6%) menjawab YA. Manakala 16

responden (33.3%) menjawab TIDAK. Terdapat seorang responden (2.1%) yang tidak memberikan jawapan bagi item ini.

Pengharapan yang tertinggi untuk diterima bekerja bagi persoalan kajian ini ialah pada item keempat belas iaitu, “Saya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh jika diterima bekerja”. Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 100%.

Bagi pengharapan yang paling rendah, dicatatkan pada item keenam belas iaitu, “Saya yakin pihak industri akan menerima saya bekerja”. Pada item ini, hanya 64.6% yang menjawab YA.

Berdasarkan daripada analisis item bagi pengharapan untuk diterima bekerja ini, menunjukkan purata keseluruhan yang diperolehi adalah pada tahap yang tinggi dengan nilai purata keseluruhan 85.4% yang menjawab YA. Manakala purata peratus keseluruhan yang menjawab TIDAK adalah 14.1%.

Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk membuka perniagaan sendiri setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?

Jadual 9 adalah berkaitan dengan persoalan kajian ketiga iaitu sama ada wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk membuka perniagaan sendiri setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti. Terdapat tujuh item soalan dan dianalisis mengikut taburan peratus dan kekerapan.

Jadual 9: Skor frekuensi dan peratus dalam pengharapan dari segi untuk membuka perniagaan sendiri

No	Item	Ya		Tidak		Tidak Dijawab	
		Jum	%	Jum	%	Jum	%
17	Bekerja sendiri adalah pilihan utama saya apabila keluar dari pusat serenti.	42	87.5	4	8.3	2	4.2
18	Saya akan sentiasa merebut peluang untuk menjalankan perniagaan sendiri.	46	95.8	2	4.2	0	0
19	Saya akan gunakan latihan kemahiran yang diterima untuk menjalankan perniagaan sendiri.	42	87.5	6	12.5	0	0
20	Saya bersedia menerima cabaran untuk memulakan pekerjaan.	47	97.9	0	0	1	2.1
21	Saya perlukan sokongan keluarga untuk membuka perniagaan sendiri.	45	93.8	2	4.2	1	2.1

22	Saya yakin dengan kebolehan diri saya untuk membuka perniagaan sendiri.	41	85.4	5	10.4	2	4.2
23	Saya ingin menjadi seorang usahawan yang berjaya.	46	95.8	1	2.1	1	2.1
Purata keseluruhan		91.9		6		2.1	
(S = 48)							

Berdasarkan jadual 9, pernyataan item ketujuh belas, sebahagian besar responden (87.5%) menyatakan bahawa mereka lebih suka untuk bekerja sendiri setelah keluar daripada pusat serenti.

Item kelapan belas, "Saya akan sentiasa merebut peluang untuk menjalankan perniagaan sendiri" seramai 46 responden (95.8%) menjawab YA. Bagi yang menjawab TIDAK, seramai dua orang responden (4.2%).

Item kesembilan belas, "Saya akan gunakan latihan kemahiran yang diterima untuk menjalankan perniagaan sendiri" seramai 42 responden (87.5%) menjawab YA dan baki enam responden (12.5%) menjawab TIDAK.

Item kedua puluh, majoriti responden (97.9%) menyatakan bahawa mereka bersedia menerima cabaran untuk memulakan pekerjaan. Terdapat seorang responden (2.1%) tidak memberi respon kepada item ini.

Item kedua puluh satu, "Saya bersedia menerima cabaran untuk memulakan pekerjaan" seramai 45 responden (93.8%) menjawab YA dan dua responden menjawab TIDAK dengan 4.2%. Manakala baki seorang responden (2.1%) memilih untuk tidak menjawab.

Item kedua puluh dua, "Saya yakin dengan kebolehan diri saya untuk membuka perniagaan sendiri" menunjukkan seramai 41 responden (85.4%) menjawab YA dan lima responden (10.4%) menjawab TIDAK. Seramai 2 responden tidak menjawab soalan dengan 4.2%.

Item kedua puluh tiga, "Saya ingin menjadi seorang usahawan yang berjaya" 46 responden (95.8%) menjawab YA. Responden yang menjawab TIDAK dan memilih untuk tidak menjawab masing-masing mencatatkan seorang responden dengan 2.1% setiap satu.

Pengharapan yang tertinggi untuk membuka perniagaan sendiri bagi persoalan kajian ini ialah pada item kedua puluh iaitu, "Saya bersedia menerima cabaran untuk memulakan pekerjaan". Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 97.9% daripada keseluruhan responden.

Bagi pengharapan yang paling rendah, dicatatkan pada item kedua puluh dua iaitu, "Saya yakin dengan kebolehan diri saya untuk membuka perniagaan sendiri". Pada item ini, hanya 85.4% yang menjawab YA.

Analisis data bagi persoalan kajian ini, didapati 91.9% daripada keseluruhan responden menjawab YA dan 6% lagi menjawab TIDAK. Ini menunjukkan pelatih mempunyai pengharapan yang tinggi untuk membuka perniagaan sendiri.

Adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti?

Jadual 10 berkaitan dengan persoalan kajian keempat iaitu adakah wujud pengharapan di dalam diri pelatih untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti. Terdapat tujuh item soalan dan dianalisis mengikut taburan peratus dan kekerapan.

Jadual 9: Skor frekuensi dan peratus dalam pengharapan dari segi meningkatkan lagi kemahiran sedia ada

No	Item	Ya		Tidak		Tidak Dijawab	
		Jum	%	Jum	%	Jum	%
24	Saya berminat dengan latihan kemahiran yang disediakan pusat serenti.	33	68.8	13	27.1	2	4.2
25	Saya merasakan kemahiran yang ada sekarang belum mencukupi.	40	83.3	6	12.5	2	4.2
26	Saya ingin meningkatkan lagi kemahiran apabila keluar nanti.	43	87.5	6	12.5	0	0
27	Saya berminat untuk mempelajari sesuatu yang baru.	45	93.8	2	4.2	1	2.1
28	Saya akan sentiasa merebut peluang untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada.	45	93.8	2	4.2	1	2.1
29	Saya merasa cenderung untuk memulihkan diri saya.	41	95.8	1	2.1	1	2.1
30	Saya suka dengan persekitaran yang memberi kebaikan kepada saya.	47	97.9	0	0	1	2.1
Purata keseluruhan		89.0		8.3		2.7	

(S=48)

Berdasarkan jadual 4.13, pernyataan item kedua puluh empat, “Saya berminat dengan latihan kemahiran yang disediakan pusat serenti” seramai 33 responden (68.8%) menjawab YA, dan 13 responden (27.1%) memilih untuk menjawab TIDAK. Seramai dua orang responden (4.2%) memilih untuk tidak menjawab.

Item kedua puluh lima, “Saya merasakan kemahiran yang ada sekarang belum mencukupi”. 40 responden (83.3%) menjawab YA. Enam responden (12.5%) memilih untuk menjawab TIDAK, manakala baki dua responden (4.2%) memilih untuk tidak menjawab.

Item kedua puluh enam, “Saya ingin meningkatkan lagi kemahiran apabila keluar nanti” seramai 43 responden (89.6%) menjawab YA. Bagi yang menjawab TIDAK, seramai empat responden (8.3%) dicatatkan. Seorang responden dengan 2.1% memilih untuk tidak menjawab

Item kedua puluh tujuh, “Saya berminat untuk mempelajari sesuatu yang baru”. Seramai 45 responden dengan 93.8% menjawab YA. Manakala dua orang responden (1.7%) menjawab TIDAK dan baki seorang responden (2.1%) tidak menjawab item.

Item kedua puluh lapan, “Saya akan sentiasa merebut peluang untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada” seramai 45 responden (93.8%) menjawab YA. Dua orang responden (1.7%) menjawab TIDAK dan baki seorang responden (2.1%) memilih untuk tidak menjawab

Item kedua puluh sembilan, “Saya merasa cenderung untuk memulihkan diri saya” seramai 46 responden (95.8%) menjawab YA. Responden yang menjawab TIDAK dan memilih untuk tidak menjawab masing-masing mencatatkan seorang responden dengan 2.1% setiap satu.

Item ketiga puluh, “Saya suka dengan persekitaran yang memberi kebaikan kepada saya” seramai 47 responden (97.9%) menjawab YA dan tiada responden dicatatkan yang menjawab TIDAK. Manakala baki seorang responden (2.1%) tidak menjawab item.

Pengharapan yang tertinggi untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada bagi persoalan kajian ini ialah pada item ketiga puluh iaitu, “Saya suka dengan persekitaran yang memberi kebaikan kepada saya”. Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 97.9% daripada keseluruhan responden.

Bagi pengharapan yang paling rendah, dicatatkan pada item kedua puluh empat iaitu, “Saya berminat dengan latihan kemahiran yang disediakan pusat serenti”. Pada item ini, hanya 68.8% yang menjawab YA.

Daripada analisis data bagi persoalan kajian ini, didapati 89% daripada keseluruhan responden menjawab YA dan 8.3% lagi menjawab TIDAK. Ini menunjukkan pengharapan pelatih untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada setelah menjalani latihan vokasional di Pusat Serenti berada pada tahap pencapaian yang tinggi.

10.0 RUMUSAN

Bahagian A

Bilangan responden di dalam kajian ini adalah seramai 48 orang iaitu kesemua responden adalah lelaki. Daripada jumlah tersebut, bangsa Melayu seramai 44 orang (91.7%), diikuti oleh bangsa Cina dan India masing-masing seramai dua orang (4.2%). Bagi peringkat umur responden pula, 23 orang (47.9%) berumur antara 31 hingga 40 tahun, 14 orang (29.2%) berumur antara 41 hingga 50 tahun dan lapan orang (16.7%) berumur antara 21 hingga 30 tahun. Dua orang responden berumur 51 hingga 60 tahun (4.2%) dan seorang sahaja (2.1%) yang berumur lebih 60 tahun. Seramai 38 orang (79.2%) daripada bilangan responden telah ditahan di pusat serenti selama 1 tahun sehingga 1½ tahun. Manakala selebihnya (20.8%) telah ditahan untuk tempoh enam bulan sehingga 1 tahun.

Berdasarkan taraf pendidikan pula, responden yang mempunyai kelulusan politeknik/maktab/kolej/institusi kemahiran dan lain-lain kelulusan masing-masing mencatatkan seorang responden. (2.1%). Lima orang pula (10.4%) menamatkan sekolah rendah dan seramai 41 orang (85.4%) mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah. Taraf pekerjaan pula, seramai 11 orang (22.9%) tidak bekerja sebelum menjalani tahanan dan 37 orang (77.1%) pernah bekerja. Seramai 29 orang responden (60.4%) berasal dari kawasan bandar, 16 orang (33.3%) dari luar bandar, dan 3 orang (6.3%) dari kawasan FELDA.

Bagi jenis latihan kemahiran yang dijalani oleh responden di Pusat Serenti Tampoi, seramai 16 orang (33.3%) mengikuti latihan ketukangan. Ini termasuklah mereka yang menjalani latihan dalam bidang ketukangan kayu dan membaiki kenderaan. Bagi kemahiran pertanian/perkebunan dan lain-lain kemahiran masing-masing mencatatkan 13 orang (27.1%). Empat orang pelatih (8.3%) menjalani latihan kemahiran kraftangan dan dua orang (4.2%) menjalani latihan jahitan.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik, hanya segelintir daripada pelatih yang mengikuti kemahiran jahitan dan kraftangan. Ini kerana kemahiran ini memerlukan minat yang mendalam selain daripada ketelitian dan memerlukan sedikit bakat untuk mengikutinya. Rata-rata responden lebih cenderung untuk melakukan kemahiran yang lebih mencabar, bersifat kerja luaran dan wujud persaingan seperti ketukangan dan pertanian/perkebunan. Ini terbukti dengan kajian yang dibuat oleh Adler (1973), iaitu individu yang bermotivasi dan berprestasi tinggi, suka mencari cabaran dan bersaing untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan lebih baik bagi memperolehi kepuasan dari kerjayanya. Bagi kekerapan memasuki pusat serenti, 18 orang (37.5%) memasuki untuk kali ketiga, 12 orang (25%) kali kedua, 10 orang (20.8%) kali pertama, lima orang (10.4%) kali keempat, dua orang (4.2%) kali kelima dan seorang (2.1%) untuk lebih dari lima kali.

Bahagian B

Melalui hasil dapatan untuk persoalan kajian pertama, keseluruhan responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan. Daripada analisis data yang diperolehi, peratusan purata responden yang menjawab YA bagi persoalan kajian ini adalah 94.8%. Manakala selebihnya iaitu hanya 5.2% yang memberikan jawapan negatif. Ini menunjukkan bahawa wujudnya pengharapan pelatih dari segi membentuk semula personaliti diri. Tahap pengharapan pelatih berada pada tahap yang tinggi.

Seterusnya bagi hasil dapatan untuk pengharapan yang kedua iaitu dari segi untuk diterima bekerja, keseluruhan responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan. Daripada analisis data yang diperolehi, peratusan purata responden yang menjawab YA bagi persoalan kajian ini adalah 85.4%. Manakala selebihnya iaitu 14.1% yang memberikan jawapan TIDAK. Ini menunjukkan kebanyakan responden mengharapkan untuk diterima bekerja apabila keluar kelak, berbekalkan kemahiran yang mereka perolehi semasa menjalani latihan di pusat serenti.

Melihat kepada hasil dapatan bagi persoalan kajian tiga, keseluruhan responden bersetuju dan mempunyai harapan yang tinggi untuk membuka perniagaan sendiri setelah mereka menjalani latihan vokasional. Sebanyak 91.9% menjawab YA manakala hanya 6% memberikan respon negatif. Ini menunjukkan, para pelatih mempunyai cita-cita dan perancangan hidup jangka panjang setelah mereka keluar kelak berbekalkan dengan kemahiran yang mereka perolehi.

Berdasarkan kepada dapatan kajian untuk persoalan kajian yang keempat, 89% daripada responden berharap untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada mereka. Manakala, 8.3% yang lain berpendapat sebaliknya. Ini menunjukkan pelatih mempunyai pengharapan yang tinggi untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada mereka.

Melihat kepada persoalan kajian kelima, pengharapan responden berdasarkan peringkat umur ini adalah berbeza mengikut keutamaan. Pengharapan yang utama adalah dari segi membentuk semula personaliti diri dan dari segi membuka peniagaan sendiri. Persoalan kajian kelima ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut oleh penyelidik dalam subtopik perbincangan di bawah.

Secara keseluruhannya keempat-empat persoalan kajian memberikan peratusan yang tinggi. Manakala persoalan kajian yang kelima (berdasarkan peringkat umur) adalah berbeza mengikut keutamaan tentang pengharapan pelatih pusat serenti fasa empat terhadap latihan vokasional di Pusat Serenti Tampoi.

11.0 PERBINCANGAN

Penyelidik membuat perbincangan mengenai dapatan yang diperolehi melalui pembacaan, dapatan kajian lepas dan pelbagai sumber untuk membuat keputusan bagi persoalan kajian yang hendak dikaji. Perbincangan yang dibuat adalah berkaitan dengan pengharapan pelatih pusat serenti fasa empat terhadap latihan vokasional di Pusat Serenti Tampoi.

Persoalan kajian mengenai pengharapan di dalam diri pelatih dari segi membentuk semula personaliti diri.

Berdasarkan persoalan kajian di atas, hasil analisis menunjukkan bahawa pengharapan pelatih pusat serenti untuk membentuk semula personaliti diri berada pada tahap yang tinggi. Keseluruhan responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan. Peratusan purata menunjukkan responden yang menjawab YA bagi persoalan kajian ini adalah 94.8%. Manakala selebihnya iaitu hanya 5.2% memberikan jawapan negatif.

Daripada item yang dinyatakan, didapati pengharapan pelatih yang tertinggi dari segi membentuk semula personaliti diri adalah pada item yang kedua dan kelima. Pada item ini mereka berjanji akan mengamalkan tingkah laku yang baik dalam kehidupan seharian manakala item kelima ialah, mereka akan berusaha menjadi individu yang baik. Kedua-dua item ini mencatatkan peratus tertinggi iaitu masing-masing 100%. Ini menunjukkan, kesemua responden bersetuju dengan item yang dinyatakan. Hal ini selaras dengan pernyataan yang dibuat oleh Jumaat Mohd. Noor (1996) terhadap faktor timbal balik yang perlu sentiasa dipertanggungjawabkan untuk kembali ke pangkuan masyarakat dengan segala kesejahteraan. Faktor tersebut ialah kejernihan peribadi dan kekuatan persiapan keterampilan pergaulan sosial yang mesti diperolehi dan dibawa bersama oleh para bekas penagih selepas sebaik-baiknya melalui proses rawatan dan pemulihan. Faktor ini ialah faktor azam tulen atau "wil-power" yang kental untuk mengubah sikap dengan perasaan 'mahu taubat' untuk mengharungi cara hidup positif, bertatasusila, bersih dan sihat.

Seterusnya, bagi pengharapan yang paling rendah, dicatatkan pada item keenam iaitu, "Setelah menjalani latihan kemahiran, saya yakin untuk menyelesaikan sebarang masalah". Pada item ini, sebanyak 83.3% yang menjawab YA. Walaupun peratusan menunjukkan ia berada pada tahap skala yang tinggi, namun demikian ia jelas menunjukkan para pelatih masih lagi belum bersedia untuk menyelesaikan masalah yang bakal mereka hadapi di luar kelak. Menurut Mohd Yunus (2005), satu pemulihan yang sempurna hanya akan berjaya diperolehi dan dilepasi oleh mereka yang berhati cecal dan gigih sahaja. Apa yang penting mereka perlu membuat persediaan dan perancangan, mempelajari kemahiran-kemahiran, serta memerlukan penunjuk jalan dan juga sokongan moral daripada orang penting dalam hidup mereka untuk menemani dan mengharunginya.

Konsep yang selalu digunakan untuk membentuk semula personaliti diri, adalah dari jenis tingkah laku, pemikiran, kewujudan atau makna, gabungan pemikiran dan tingkah laku, gabungan emosi dan tingkah laku dan kemanusiaan (Mahmood Nazar, 2006). Akan tetapi penyelidik berasa bimbang akan keadaan di mana terdapat segelintir pelatih yang tidak berharap langsung untuk membentuk semula personaliti diri mereka. Peratusan menunjukkan 5.2% daripada keseluruhan responden tidak mempunyai harapan tentang pembentukan semula personaliti diri.

Persoalan kajian mengenai pengharapan di dalam diri pelatih untuk diterima bekerja

Berdasarkan persoalan kajian di atas, hasil analisis menunjukkan bahawa pengharapan pelatih pusat serenti untuk diterima bekerja berada pada tahap yang tinggi. Keseluruhan responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan. Peratusan purata menunjukkan responden yang menjawab YA bagi persoalan kajian ini adalah 85.4%. Manakala selebihnya iaitu 14.1% memberikan jawapan negatif.

Daripada item yang dinyatakan, didapati pengharapan yang tertinggi untuk diterima bekerja bagi persoalan kajian ini ialah pada item keempat belas iaitu, "Saya akan berusaha dengan bersungguh-sungguh jika diterima bekerja". Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 100%. Kenyataan ini dapat disokong melalui kajian oleh Adler (1951) yang menyatakan bahawa individu yang bermotivasi dan berprestasi tinggi suka mencari cabaran dan bersaing untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan lebih baik bagi memenuhi kepuasan diri dari kerjaya.

Ini menunjukkan kebanyakan responden mengharapkan untuk diterima bekerja apabila keluar kelak, berbekalkan kemahiran yang mereka perolehi. Para pelatih juga bersedia untuk menahapi cabaran untuk memulakan hidup baru dengan berharap agar mereka diterima untuk mendapat pekerjaan. Menurut Crites (1969), pemilihan kerjaya akan berlaku apabila individu menyatakan keinginan dan maksud untuk memasuki dan melibatkan diri dalam bidang pekerjaan tertentu.

Namun begitu, terdapat sebilangan kecil yang kurang berkeyakinan untuk diterima bekerja. Ini kerana mereka tidak pasti terhadap penerimaan majikan untuk menerima mereka sebagai bekas penagih. Bagi pengharapan yang paling rendah, dicatatkan pada item keenam belas iaitu, "Saya yakin pihak industri akan menerima saya bekerja". Pada item ini, hanya 64.6% yang menjawab YA manakala selebihnya iaitu 35.4% berpendapat sebaliknya.

Persoalan kajian mengenai pengharapan di dalam diri pelatih untuk membuka perniagaan sendiri

Berdasarkan persoalan kajian di atas, hasil analisis menunjukkan bahawa pengharapan pelatih pusat serenti untuk membuka perniagaan sendiri berada pada tahap yang tinggi. Keseluruhan responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan. Peratusan purata menunjukkan responden yang menjawab YA bagi persoalan kajian ini adalah 91.9%. Manakala selebihnya iaitu hanya 6% memberikan jawapan negatif.

Dapatan kajian ini menunjukkan, para pelatih mempunyai cita-cita dan perancangan hidup jangka panjang setelah mereka keluar kelak berbekalkan dengan kemahiran yang mereka perolehi. Penyelidik juga dapat menyimpulkan bahawa para pelatih lebih selesa untuk bekerja sendiri dan mereka telah bersedia untuk memulakan hidup baru secara berdikari. Kenyataan ini disokong oleh Mecheal Anderson (2001) yang menyatakan, perkara utama didalam proses membentuk cara hidup berdikari

dikalangan pelatih adalah menghentikan memori pahit dan pegangan negatif, sebagai satu langkah membentuk konsep sendiri yang positif.

Daripada item yang dinyatakan, didapati pengharapan yang tertinggi untuk membuka perniagaan sendiri bagi persoalan kajian ini ialah pada item ke 20 iaitu, "Saya bersedia menerima cabaran untuk memulakan pekerjaan". Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 97.9% daripada keseluruhan responden. Kenyataan ini dapat disokong melalui kajian oleh Adler (1951) di dalam bab dua yang menyatakan bahawa individu yang bermotivasi dan berprestasi tinggi suka mencari cabaran dan bersaing untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan lebih baik bagi memenuhi kepuasan diri dari kerjaya.

Bagi pengharapan yang paling rendah, dicatatkan pada item ke 22 iaitu, "Saya yakin dengan kebolehan diri saya untuk membuka perniagaan sendiri". Pada item ini, hanya 85.4% yang menjawab YA. Ini menunjukkan terdapat sebilangan kecil daripada responden (14.6%) yang berasa tidak yakin terhadap kemampuan diri mereka. Daripada pemerhatian penyelidik, responden yang tidak yakin terhadap diri mereka adalah yang berada dalam lingkungan umur di bawah 40 tahun. Terdapat kemungkinan pelatih dibawah umur 40 tahun, masih belum bersedia untuk menjalankan perniagaan sendiri. Ini kerana mereka masih belum mempunyai pengalaman atau ingin menimba pengalaman yang lebih luas terlebih dahulu sebelum menjalankan perniagaan mereka sendiri. Manakala, kesemua responden yang berumur 41 tahun dan keatas memberikan respon positif.

Persoalan kajian mengenai pengharapan di dalam diri pelatih untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada

Berdasarkan persoalan kajian di atas, hasil analisis menunjukkan bahawa pengharapan pelatih pusat serenti untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada berada pada tahap yang tinggi. Keseluruhan responden bersetuju dengan item-item yang dinyatakan. Peratusan purata menunjukkan responden yang menjawab YA bagi persoalan kajian ini adalah 89%. Manakala selebihnya iaitu 8.3% berpendapat sebaliknya.

Daripada item yang dinyatakan, didapati pengharapan yang tertinggi untuk meningkatkan lagi kemahiran sedia ada bagi persoalan kajian ini ialah pada item ke 30 iaitu, "Saya suka dengan persekitaran yang memberi kebaikan kepada saya". Item ini mencatatkan peratusan sebanyak 97.9% daripada keseluruhan responden. Penyelidik berpendapat ini adalah situasi yang positif terhadap perkembangan pemulihan pelatih pusat serenti. Wallace (1989) telah menjalankan kajian mengenai penagih yang menagih semula berdasarkan faktor psikologi dan persekitaran. Hasil dapatannya menunjukkan bahawa faktor penagihan semula adalah disebabkan masalah emosi, kegagalan pusat memberi perkhidmatan, masalah psikopatologi dan masalah-masalah lain.

Walaupun bagaimanapun, pengharapan yang paling rendah dicatatkan pada item ke 24 iaitu, "Saya berminat dengan latihan kemahiran yang disediakan pusat serenti". Pada item ini, hanya 68.8% yang menjawab YA. Hal ini membimbangkan penyelidik akan

keberkesanan program rawatan dan pemulihan yang dijalankan terhadap pelatih di Pusat Serenti Tampoi. Menurut Lasimon (2003), masalah program rawatan dan pemulihan yang kurang berkesan berkait rapat dengan kekurangan pegawai kaunselor profesional dalam bidang tersebut. Ia mengakibatkan program pemulihan tidak dapat dijalankan secara profesional untuk membantu penagih-penagih meninggalkan tabiat penagihan dan kekal pulih. Ini termasuklah penerapan latihan kemahiran dikalangan pelatih.

Selain itu, Arif Fadilah (1987) juga telah menjalankan kajian di Pusat Serenti Perlop, Sungai Siput, Perak untuk melihat dan menilai keberkesanan program pemulihan. Hasil kajian menunjukkan keberkesanan program dan kepuasan pelatih menerima rawatan dipengaruhi oleh proses psikologi, sosiologi dan pola interaksi di pusat pemulihan tersebut. Coleman dan rakan-rakan (1980) menyatakan bahawa keadaan tempat persekitaran pemulihan dadah boleh menyebabkan para penagih berputus asa untuk mengubah sikapnya.

Walaubagaimanapun, menurut Bruce Waller (1999), kezaman tidak boleh diatur oleh orang lain, oleh yang demikian tekad dalam diri pelatih untuk membina kezaman bagi melarikan diri daripada kepompong masalah yang dihadapi merupakan inisiatif mereka sendiri.

12.0 KESIMPULAN

Hasil daripada analisis dapatan kajian, rumusan dan perbincangan yang dibuat, maka dapatlah dikatakan bahawa para pelatih meletakkan harapan yang tinggi terhadap latihan vokasional yang mereka jalani. Oleh yang demikian, diharapkan langkah selanjutnya perlu diambil oleh pihak yang terlibat untuk bersama membantu segala usaha kerajaan. Ini penting untuk memberi keyakinan kepada para pelatih bagi memulakan hidup baru apabila mereka bebas kelak. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat, sama ada agensi kerajaan, NGO mahupun pihak penyelidik untuk mengenalpasti dan mengimplementasikan kaedah rawatan dan pemulihan yang lebih berkesan.

Hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebagai panduan asas dan sumber maklumat dadah yang tidak kurang lengkapnya kepada semua golongan masyarakat. Ia juga boleh dijadikan sebagai penanda aras (*benchmark*) untuk rujukan kajian lanjutan pada masa akan datang. Dengan meningkatnya pengetahuan dan kesedaran mengenai masalah dadah, diharapkan semua golongan masyarakat dapat memainkan peranan sesuai dengan keupayaan masing-masing. Usaha merawat dan memulihkan penagih dadah harus diteruskan dengan mencari tatacara dan kaedah rawatan yang lebih berkesan. Dengan berkurangnya kebergantungan kepada dadah, maka masalah sampingan yang lain juga turut dapat diselesaikan. Semoga cita-cita kita untuk menjadikan negara kita bebas daripada dadah pada 2015 tercapai sepenuhnya. "BERSAMA MEMERANGI DADAH."

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Taib (1992). *Dadah Pembunuh (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Delmu (M) Sdn. Bhd.
- Adler, P. T. & Lotecka, L. (1973) Drug use among high school students: Pattern and Correlates. *International Journal of Addictions*, 8.
- Arif Fadilah Abu Hassan. (1987). *Program pusat pemulihan dan keberkesannya: Satu*
- Cairn, R & Cairns, B (1994). *Life line and risk. Pathways of youth in our time*. New York: Harvester Wheatshead Publisher.
- Callaghan, M., Benton, S. Bradely, F. (1995). Implementing a Drug Prevention Program: A Comparative Case Study of Two Rural Kansas Schools. *Journal of Youth and Adolescent*, 41 (1), 149-158.
- Catalano, R. F., Gainey, R. R., Fleming, C. B., Haggerty, K. P. & Johnson, N. O. (1999). An Experimental Intervention With Families of Substance Abuser: One Year Follow-Up of the Focus on Families Project. *Addiction*, 94 (2), 241-255.
- Cates, M.W. (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan*. Diterjemahkan oleh Syaharom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chan Choy Jen (1997). *Kajian Mengenai Sikap Penagih Dadah di Pusat Serenti Sungai Besi dan Penjara Wanita Kajang terhadap Kaunseling*. Latihan ilmiah. Jabatan Psikologi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chiauzzi, E.J. (1991). *Preventing Relapse In The Addiction: A Biopsychosocial Approach*. Toronto, Pergamon Press, Inc.
- Coleman, J Burcher, J.N. & Carson, R. (1980). *Abnormal psikologi and morden life*. New York: Scott, Foresman and Company.
- Curran, H., Helene, R. & Stephen, H. (2000). Personality, Environment and Problem Drug Use. *Journal of Drug Issues, Spring*, 30(2), 45-55.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (1996), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dzulkifli Mat Nor (1985). *Kajian ke atas Perkembangan Proses Kaunseling Kelompok terhadap Penagihan Dadah*. Diploma kaunseling. Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Fullan, M. (1991). *The New Meaning of Educational Change, 2nd ed*. London: Cassell
- Kirby, K. C. & Lamb, R. J. (1995). Situations Occasioning Cocaine Use and Cocaine Abstinence Strategies. *Addiction*, 90 (9), 1241-1253.
- Laporan Dadah* (1996). Kuala Lumpur. Agensi dadah Kebangsaan.
- Laporan Dadah* (1997). Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Lasimon Matokrem. (9 April 2003) Sistem Sokongan Sosial Bantu Pulihkan Penagih. *Berita Peadam*.
- Mahmood Nazar Mohamed (2006). *Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Mahmood, N. M, Ismail Ishak, Noor Aniza Ishak (2003). *Program Pemulihan Luar Institusi untuk Penagih Dadah*. Laporan Penyelidikan UUM-IRPA.
- Mahmood, N. M., Md Shuaib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhd Dzahir Kasa & Mahmood, N. M., Shuaib Che Din & Ismail Ishak. (1998) *Keberkesanan Rawatan dan Pemulihan Dadah: Modaliti Kerohanian dan Tradisional Malaysia*. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood, N. M., Shuaib Che Din & Lasimon Matokrem. (1999). *Psychosocial Determinants of Relapse Amongst Psychoactive Drug Addicts*. Unpublished Research Report, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Marlatt, G. A., & Gordon, J. (1985). *Relapse Prevention: Maintenance strategies in the treatment of addictive behaviors*. New York: Guilford Press.
- Mat Rasid Jalil. (2006). Merawat Banduan Penagih: Keberkesanan Strategi dan Program Masa Kini. *Mencegah, Merawat & Memulihkan Penagihan Dadah*, ms 61-89. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Md Shuaib Che Din (1996). *Kertas Kerja, Dari Institusi Ke Pangkuan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Seminar MCPF.
- Mohamed Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Nizam Subani (2007). *Pengharapan Masa Depan Pelatih Pusat Serenti Setelah Menjalani Latihan Vokasional Di Institut Kemahiran Dan Latihan AADK Sepang (IKHLAS), Sepang Selangor*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohd Reduan Aslie (1990). *Krisis Dadah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Yunus Pathi Mohd (15 Oktober, 2005). Kongsy Pulih penagih. *Utusan Malaysia*.
- Monti, P. M. & Rohsenow, D. J. (1997). Brief Coping Skills Treatment for Cocaine Abuse: Substance Use Outcomes at Three Months. *Addiction*, 92(12), 1717-1729.
- Nor Azmah Abd. Karim (2001). *Laporan Dadah*, Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan.
- Pilcher, Donald M. (1990), *Data Analysis For The Helping Professions; A Practical Guide*. Newbury Park: Sage Publications.
- Rasmussen, S. (2000). *Addictin treatment: Theory and practise*. Beverly Hills, California: Sage Publication, Inc.
- Rusli Ahmad (1999). *Penagihan Dadah dan Residivisme. Aspek-aspek Psikososial dan Persekitaran*. Sintok: Pusat Penyelidikan dan Perundingan, UUM.
- Sax Gilbert (1979). *Foundation of Education Research*. New Jersey: Prentice Hall.
- Shafie Hashim. (1978). *Masalah Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Remaja. Satu Kajian Perbandingan antara Remaja Bandar dan Luar Bandar di Pusat*

- Pemulihan Bukit Mertajam*. Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Vockel E.L. (1983). *Educational Research*. New York: Mc Millan Ptd. Ltd.
- Wallace, B.C (1989). Psychological and Enviroment Determinants of Releaps in Crack Cocaine Smokers. *Journal of substance abuse treatment*. Vol. 6(2): 95-106.
- Wan Azmi Ramli (1998). *Petaka Abad Ke-21*, Kuala Lumpur: Golden Book Centre Sdn. Bhd.
- Juma'at bin Dato' Haji Mohd. Noor (1 November 1996), Kembalilah Dengan Segala Kesejahteraan, Kuat Azam Kuatlah Penerimaan. *Berita PEMADAM*. kajian kes. Latihan Ilmiah. Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.